

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
(HULU LANGAT)**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan menggantikan kapal logistik (MPCSS), KD Mahawangsa (beroperasi sejak 1983) dan KD Indera Sakti (beroperasi sejak 1980) yang uzur, memandangkan tuntutan keperluan Ops Benteng dari Langkawi hingga ke Perairan Timur Sabah semakin mendesak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025), Kementerian Pertahanan telah merancang perolehan 2 buah *Multi Role Support Ship* (MRSS) yang dijangka bermula pada tahun 2024. Perolehan aset ini akan menggantikan KD MAHAWANGSA dan KD SRI INDERASAKTI yang telah usang agar dapat memenuhi keperluan operasi ATM melalui kemampuan *strategic sealift* antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak; serta bantuan logistik dan kemanusiaan di peringkat antarabangsa apabila diperlukan. Walau bagaimanapun, perolehan aset ini tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah memperkenalkan Program Transformasi Armada TLDM 15ke5 pada November 2017, untuk mewujudkan pengurusan keupayaan Armada TLDM yang kredibel, dinamik dan ekonomikal. Program jangka panjang sehingga tahun 2050 dijangka akan dapat mengatasi cabaran dan kekangan yang dihadapi TLDM bagi pengurusan aset yang usang melalui pengurangan 15 kelas kapal kepada hanya 5 kelas sahaja iaitu *Littoral Combat Ship* (LCS), *Littoral Mission Ship* (LMS), *Multi Role Support Ship* (MRSS), *New Generation Patrol Vessel* (NGPV) dan Kapal Selam.

Terima kasih.